

09 AUG 1999

PENJAJA KECIL HARGAI PERNYERTAAN DALAM MAPEN II

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Presiden Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia Datuk Ramli Norani mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas pelantikannya sebagai anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas.

Ramli berkata hari ini pelantikannya akan membolehkan beliau meyuarkan pandangan para penjaja dan peniaga kecil dalam merangka arah tuju ekonomi negara.

"Perdana Menteri memang diketahui sentiasa mengambil berat terhadap warga penjaja dan peniaga kecil yang jumlahnya tidak kurang 700,000 di seluruh negara," katanya kepada Bernama.

Katanya, pelantikan itu secara tidak langsung juga telah menaikkan martabat penjaja dan peniaga kecil dan membuktikan bahawa kerajaan tidak pernah mengenyahkan pandangan daripada sebarang sektor masyarakat.

"Saya akan berusaha mengumpulkan pandangan daripada penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara melalui persatuan-persatuan negeri untuk dijadikan input kepada MAPEN II."

Ramli yang menduduki Jawatankuasa Kerja Penyusunan Semula Masyarakat MAPEN II percaya dengan input yang menyeluruh, MAPEN II akan mampu meningkatkan keberkesanannya dalam menyumbang idea ke arah pembangunan negara serta menggubal dasar pembangunan negara selepas tahun 2000.

-- BERNAMA

MNY NMO